

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 6, Number 2

December 2010

ISSN 1675-7939

Using Drawings as a Means of Summarizing Reading Passages in a University English Reading Classroom

Rofiza Aboo Bakar
Hairul Nizam Ismail
Aswati Hamzah

Correlation between Psychological Characteristics and Entrepreneurial Success: A Study of Malay Women Entrepreneurs

Nurwahida Fuad
Abdul Manaf Bohari

The Effectiveness of Blog as a Social Networking Site for Students

Wan Anisha Wan Mohammad
Naemah Abdul Wahab
Azlina Mohd Mydin
Sopiah Ishak

Enhancing Learning of Foreign Languages Through Film Subtitling

Liaw Shun Chone
Lim Teck Heng
Sabariah Muhamad
Er Ann Nah
Hoe Foo Terng

Kajian Terhadap Kebolehgunaan (*Usability*) Sistem Zakat dalam Talian di Malaysia: Pendekatan Psikometrik

Nurwahida Fuad
Abdul Manaf Bohari

Budaya Hedonisme dan Cabarannya Terhadap Pembangunan Tamadun Ummah

Halipah Hamzah

Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah di IPTA Islam Malaysia: Satu Analisis Paradigma

Rahimin Affandi Abd Rahim
Muhammad Kamil Ab. Majid
Nor Hayati Md Dahlal
Zulkifli Dahalan
Nor Afifah Abdul Hamid

EDITORIAL BOARD
ESTEEM VOLUME 6, NUMBER 2, 2010
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang
SOCIAL SCIENCES AND TECHNOLOGY

ADVISORS

Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

PANEL OF REVIEWERS

Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Ramayah a/l Thurasamy (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Hasnah Osman (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Lim Way Soong (*Universiti Multimedia*)
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)

CHIEF EDITOR

Liaw Shun Chone

MANAGING EDITOR

Lim Teck Heng

LANGUAGE EDITORS

Dr. Azlena Zainal	Rofiza Aboo Bakar
Emily Jothee Mathai	Suzana Ab Rahim
Mah Boon Yih	

Copyright © 2010 UiTM, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 6, Number 2

December 2010

ISSN 1675-7939

Foreword

iii

1. Using Drawings as a Means of Summarizing Reading Passages in a University English Reading Classroom
Rofiza Aboo Bakar
Hairul Nizam Ismail
Aswati Hamzah 1
2. Correlation between Psychological Characteristics and Entrepreneurial Success: A Study of Malay Women Entrepreneurs
Nurwahida Fuad
Abdul Manaf Bohari 19
3. The Effectiveness of Blog as a Social Networking Site for Students
Wan Anisha Wan Mohammad
Naemah Abdul Wahab
Azlina Mohd Mydin
Sopiah Ishak 41
4. Enhancing Learning of Foreign Languages Through Film Subtitling
Liaw Shun Chone
Lim Teck Heng
Sabariah Muhamad
Er Ann Nah
Hoe Foo Terng 51

5.	Kajian Terhadap Kebolehgunaan (<i>Usability</i>) Sistem Zakat dalam Talian di Malaysia: Pendekatan Psikometrik Nurwahida Fuad Abdul Manaf Bohari	65
6.	Budaya Hedonisme dan Cabarannya Terhadap Pembangunan Tamadun Ummah Halipah Hamzah	83
7.	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah di IPTA Islam Malaysia: Satu Analisis Paradigma Rahimin Affandi Abd Rahim Muhammad Kamil Ab. Majid Nor Hayati Md Dahlal Zulkifli Dahalan Nor Afifah Abdul Hamid	101
8.	Removal of Congo Red Dye from Aqueous Solution by Bagasse Norain Isa Nor Aziyah Bakhari Jaudat Hamidon	125
9.	The Effect of <i>Tinospora crispa</i> Extracts on the Contraction of Isolated Atrium and Aorta of Rats Nor Aziyah Bakhari Norain Isa	141

Foreword

It is quite a commendable feat that within a short span of time since its last issue, the University Publication Centre (UPENA) of UiTM Pulau Pinang has produced its sixth volume of the Esteem Academic Journal UiTM Pulau Pinang. Of course, this issue would not come into fruition if not for the firm commitment and close cooperation of all the relevant parties involved.

First and foremost, I would like to extend my thanks to Associate Professor Mohd Zaki Abdullah, Director of UiTM Pulau Pinang, Associate Professor Dr Mohamad Abdullah Hemdi, Deputy Director of Academic Affairs and Associate Professor Ir. Damanhuri Jamalludin, Deputy Director of Research, Industry Linkages, Development & Maintenance for offering their continuous and untiring support. They were the driving force behind the successful publication of this journal. Time and again they rendered invaluable advice on how to address the problems that UPENA encountered in the publication of this academic journal.

UPENA highly appreciates the comments and expertise proffered by the panel of external reviewers when articles in this journal were sent to them for blind reviews. Likewise, UPENA also salutes the dedicated panel of language editors for their time in editing the authors' manuscripts.

However, all the assistance tendered would have been a futile effort if there were no authors willing to submit their articles for publication. This journal comprises articles on the social sciences and technology disciplines. I am proud to state that there is no shortage of writers from Penang and the response from them in these two disciplines has been overwhelming.

Lastly, I would like to urge more lecturers to submit their articles to UPENA. Authors' contributions of articles in this refereed journal help to disseminate and share knowledge with readers. It also helps to elevate the status of UiTM Pulau Pinang in research writing. In return, the authors gain recognition from the wider audience and also consideration for promotion in their career. It is a win-win situation for both parties. So lecturers, what are you waiting for? Put on your thinking caps and start contributing your research articles to UPENA.

Liaw Shun Chone
Chief Editor
ESTEEM Vol. 6, No. 2, 2010
(Social Sciences and Technology)

Budaya Hedonisme dan Cabarannya Terhadap Pembangunan Tamadun Ummah

Halipah Hamzah

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: shalipah@ppinang.uitm.edu.my

ABSTRACT

Spiritual development is of utmost importance in the development of the Islamic civilization. The development of Islamic civilization is one that implements the ‘maqasid al-shari‘ah’, which emphasizes the five goals of Islamic religious laws namely protecting the religion, mind, soul, lineage (honour) and property. Once the five goals are achieved, the prosperity and fairness of the society are also guaranteed and this will produce a whole and complete civilization. The progress and setbacks in civilization rely heavily on the culture and the moral of a society. Absolute appreciation and good behaviour ensure harmony and peace in the society and these will make the society a respected one in the world. Current social challenges on moral decadence, weaknesses in integrity and ill-conceived knowledge are becoming issues that influence the development of civilisation. A bigger challenge that needs immediate attention is the culture of hedonism which is slowly spreading its grip especially on teenagers and threatening the development of Islamic civilization. If left unchecked, hedonism will affect the society and expansion of Islamic civilization.

ABSTRAK

Teras pembangunan tamadun Islam yang merupakan tamadun sebaik-baik umat ialah pembangunan kerohanian. Pembangunan tamadun dalam Islam adalah pembangunan yang menghayati maqasid al-shari‘ah, khususnya lima tujuan utama syariat Islam iaitu memelihara agama, akal, nyawa, keturunan (maruah) dan harta. Setelah kelima-lima perkara ini terjamin, kesejahteraan

dan keadilan masyarakat turut terjamin seterusnya melahirkan tamadun hakiki. Kemajuan atau kemunduran sesebuah tamadun sebahagiannya didasari oleh budaya dan ditunjangi oleh moral masyarakat. Penghayatan nilai-nilai akhlak yang mutlak dan tinggi menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat. Ia juga akan menjadikan bangsa itu terhormat dan disegani di mata dunia. Cabaran terhadap pembangunan tamadun ummah dalam aspek sosial yang berpunca daripada ledakan dan gelombang teknologi maklumat di era globalisasi kini tidak kurang hebatnya. Gejala keruntuhan akhlak, kelemahan budaya integriti dan pembudayaan ilmu dalam masyarakat merupakan suatu cabaran besar kepada pembangunan tamadun ummah. Penularan budaya hedonisme dalam masyarakat, khususnya remaja, merupakan salah satu cabaran besar kepada pembangunan tamadun Islam. Budaya ini melalaikan masyarakat dan menjelaskan pembinaan tamadun ummah.

Kata kunci: *hedonisme, cabaran, pembangunan, tamadun, ummah.*

Konsep Budaya Hedonisme

Hedonisme merupakan satu pandangan falsafah yang menyatakan bahawa perkara terbaik dan disukai dalam hidup adalah memaksimumkan keseronokan. Istilah hedonisme berasal daripada dua perkataan iaitu hedone dan isme. Perkataan hedone merupakan istilah Greek (Yunani) yang memberi erti kesenangan (Ree & Urmson, 2005). Isme berdasarkan Kamus Dewan ialah akhiran asing kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap serta perlakuan. Hedonisme bermaksud suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup (Kamus Dewan, 2005).

Oxford English Dictionary mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan (Simpson & Weiner, 1989). Hedonisme juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang merupakan ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik (Haron Din et al., 1990). Penganut fahaman ini dikenali sebagai hedonis dan sifat mementingkan keseronokan disebut sebagai hedonistik (Kamus Dewan, 2005).

Pada pertengahan abad ke-19M, para hedonis Yunani telah mengklasifikasikan definisi hedonisme kepada dua pengertian. Pertama, hedonisme merupakan satu tindakan usaha untuk memperolehi keseronokan dan kebahagiaan. Kedua, hedonisme adalah satu falsafah keseronokan iaitu suatu doktrin falsafah yang menjelaskan bahawa

sumber nilai moral adalah keseronokan dan ia berada pada tahap kebaikan teratas (Mardzelah Makhsin, 2007). Definisi kedua ini bertepatan dengan pandangan Garcia (1971) yang menyatakan bahawa dalam budaya hedonisme, keseronokan dan kegembiraan menerima kredit tertinggi. Hedonisme menurut pandangan beliau ialah:

“A sense of values which gives the highest value to pleasure and happiness. Hedonism represents the pursuit of happiness to the exclusion of awareness. A hedonists seeks to maximize the happiness above all else”.

Para ahli falsafah membahagikan hedonisme kepada dua bentuk iaitu hedonisme psikologi dan hedonisme etika. Hedonisme psikologi adalah doktrin bahawa manusia sentiasa melakukan tindakan yang difikirkan akan memberi kenikmatan terbesar kepada mereka. Doktrin ini kemudiannya dikenali sebagai hedonisme psikologi egoistik. Manakala hedonisme etika adalah doktrin bahawa manusia seharusnya melakukan tindakan yang akan menghasilkan kenikmatan dan kebahagiaan terbesar. Doktrin ini seterusnya dikenali sebagai hedonisme etika universal (Parkinson, et al. 1996).

Hedonisme psikologi mengandaikan bahawa secara fitrahnya manusia sentiasa memilih perkara yang difikirkan akan memberi lebih banyak kebahagiaan dan mengurangkan kesakitan. Hedonisme etika berpendapat bahawa manusia sepatutnya bertindak untuk mendapatkan kebahagiaan dan menghindari kesakitan. Dengan kaedah ini mereka akan memperolehi kehidupan terbaik (Morton, 2004).

Para hedonis sentiasa berusaha memperbaiki cara hidup masing-masing untuk memaksimumkan prinsip kegembiraan dan keseronokan dalam kehidupan mereka (Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endut, 2000). Prinsip ini berasaskan kepada doktrin falsafah dan psikologi yang menjelaskan bahawa segala tingkah laku atau kelakuan manusia berasaskan kepada usaha untuk mencari kegembiraan. Jeremy Bentham berpandangan bahawa prinsip hedonisme mempunyai hubungan dengan fitrah yang menetapkan manusia dengan faktor kesakitan dan kegembiraan. Faktor-faktor ini sentiasa menguasai dan mempengaruhi manusia dalam melakukan tindakan dan membuat keputusan terhadap sesuatu perkara (*Encyclopedia Malaysiana*, 1996).

Sidgwick menyarankan para hedonis perlu peka terhadap semua tindakan yang mendarangkan impak kepada keseronokan dan kebahagiaan. Peranan mereka adalah menambah nisbah pengalaman menyeronokkan dan mengurangkan nisbah kesakitan. Terdapat satu aliran

dalam hedonisme yang mendakwa jika terdapat sesuatu prinsip moral dalam masyarakat yang menjadi penghalang di dalam mencapai kebahagiaan, maka prinsip tersebut mesti diengkari. Ertinya, kebahagiaan dan keseronokan merupakan matlamat utama dalam budaya hedonisme sehinggakan dibenarkan melanggar prinsip moral (Broad, 1930).

Hedonisme merupakan sebahagian daripada sekularisme. Kata dasar sekularisme ialah sekular yang bermaksud dunia. Ia merupakan satu fahaman yang memisahkan hubungan antara agama dan dunia (Haron Din et al., 1990). Sekularisme adalah fahaman berbentuk doktrin, pendirian dan sebagainya yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia (Kamus Dewan, 2005). Seyyed Hossein Nasr (1967) menyatakan bahawa sekularisme bersifat manusawi iaitu sesuatu yang berpunca daripada manusia. Persaingan di antara Tuhan dan manusia adalah menjadi dasar utamanya.

Permasalahan sekularisme yang pada asalnya merupakan masalah kebudayaan Barat telah merebak dalam pemikiran dan budaya Islam. Fahaman ini muncul pada zaman Renaisans, abad 14M - 17M di Eropah (Sulaiman Noordin, 1999). Hedonisme mengutamakan keseronokan yang berasaskan kepada penentuan akal fikiran. Fenomena ini menepati kehendak serta matlamat sekularisme yang ingin membebaskan manusia daripada unsur ketuhanan dan keagamaan. Menerusi budaya ini, matlamat sekularisme pihak tertentu dapat dijayakan.

Budaya hedonisme yang asalnya merupakan satu aliran telah bertukar menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat moden. Ia menjadi pegangan hidup golongan individu yang mementingkan keseronokan semata-mata tanpa mempedulikan aspek-aspek lain yang lebih penting dalam kehidupan mereka. Mereka turut didorong untuk melakukan sesuatu tindakan yang menyenangkan dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang merugikan. Manusia yang terjerumus dalam dunia hedonisme ini hanya bertuhankan kepada nafsu semata-mata. Hari-hari yang mereka jalani hanya bertujuan untuk mengejarkekayaan dunia, bermegah dengan pangkat dan kuasa, memuaskan nafsu, berhibur dan berpoya-poya sehingga lupa kepada hakikat sebenar tujuan mereka diciptakan iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini.

Latar Belakang Hedonisme

Hedonisme sering dikaitkan dengan pemikiran Yunani purba. Ahli falsafah Yunani mempelopori percubaan penyelidikan mengenai konsep

keseronokan dan kesengsaraan. Majoriti ahli falsafah purba mempunyai teori tersendiri mengenai konsep ini. Di antara mereka yang menghasilkan penulisan mengenai konsep ini termasuklah Democritus, Plato, Aristotle, Socrates dan ramai lagi.

Tujuan kehidupan manusia menurut Socrates ialah mencari kebahagiaan. Matlamat utama dalam kehidupan manusia adalah mencapai kebahagiaan jiwa. Manusia perlu mengenali dirinya sendiri yang memiliki 'diri yang nyata'. Kebahagiaan yang nyata terdapat dalam pengenalan diri yang nyata tersebut. Apabila seseorang individu mengenal siapa dirinya, beliau akan mengetahui apakah cara yang sebaik-baiknya untuk dilakukannya. Socrates menyarankan kepada golongan remaja supaya bertafakur bagi mengenali diri mereka sendiri. Pengetahuan adalah kebijaksanaan. Kebijaksanaan merupakan saranan bagi individu yang ingin mencapai kebahagiaan yang diidam-idamkan. Socrates menekankan bahawa pengetahuan yang nyata mengenai asas keperluan hidup harus dicapai melalui pengenalan diri sendiri meskipun ilmu pengetahuan dapat dipelajari melalui perbincangan, debat dan diskusi (Alfa, 1992). Jelas di sini bahawa bagi Socrates, kebaikan yang paling tinggi tahapnya ialah ilmu pengetahuan.

Terdapat beberapa orang tokoh sarjana yang membahaskan mengenai keseronokan dan kesengsaraan atau kesakitan. Di antaranya ialah Democritus, Aristippus, Epicurus, Jeremy Bentham dan James Mill. Mardzelah Makhsin (2007) menjelaskan bahawa Aristippus dan Epicurus merupakan pengetua kepada sekolah pemikiran falsafah iaitu Cyrenaics dan Epicureans yang menggariskan keseronokan dan kesengsaraan sebagai konsep penting dalam sistem pengajian mereka. Kedua orang tokoh ini merupakan perintis kepada fahaman hedonisme.

Keseronokan bagi Aristippus of Cyrene merupakan satu-satunya perkara yang dicari dalam hidup manusia. Berdasarkan konsep keseronokan, pergerakan licin digambarkan sebagai suatu unsur yang menghasilkan kepuasan jasad dan pergerakan kasar mengakibatkan kesakitan badan. Walaupun kesakitan merupakan satu pengalaman yang kurang menyenangkan, beliau tidak menafikan keberadaan sakit sebagai jalan tengah untuk mencapai keseronokan. Walau bagaimanapun, pendapat beliau agak berbeza dengan Epicurus yang menafikan kewujudan kesakitan bagi mencapai keseronokan (Long, 1974).

Menurut Epicurus, keseronokan merupakan mula dan akhir sebuah kehidupan yang diredayai. Ketidadaan kesakitan dalam badan dan kesulitan kejiwaan adalah keseronokan. Puncak kesenangan baginya ialah ketenangan jiwa. Beliau juga bercanggah pendapat dengan sebahagian

ahli falsafah hedonis sebelumnya mengenai perbezaan antara keseronokan aktif dengan keseronokan pasif atau keseronokan dinamik dengan keseronokan statik. Keseronokan aktif atau dinamik merangkumi pencapaian tujuan yang diingini dan keinginan sebelumnya yang disertai dengan kesakitan. Keseronokan pasif atau statik tertakluk kepada suatu keadaan keseimbangan yang berlaku disebabkan kehadiran jenis keadaan yang akan menjadi keinginan sekiranya ia tiada. Beliau berpandangan bahawa pilihan terbaik adalah mengikuti jenis kedua kerana ia tidak terikat dengan rasa sakit sebagai dorongan kepada keinginan. Apabila jasad berada dalam keadaan seimbang, kesakitan tiada. Matlamat manusia sepatutnya merupakan keseimbangan dan keseronokan berbanding kegembiraan (Russell, 1995).

Seterusnya James Mill pula beranggapan bahawa keseronokan merupakan kebaikan dan kesakitan adalah kejahanatan (Scruton, 1989). Pendapat James Mill ini mempunyai persamaan dengan pandangan Jeremy Bentham iaitu sesuatu perkara yang baik adalah keseronokan atau kebahagiaan dan perkara yang tidak baik adalah kesakitan. Sesuatu keadaan itu dianggap lebih baik sekiranya keseronokan melebihi kesakitan (Russell, 1995). Walau bagaimanapun, James Mill sependapat dengan Epicurus iaitu menghargai keseronokan secara sederhana. Baginya perkara yang terbaik adalah kenikmatan intelektual dan kemurnian tertinggi adalah kesederhanaan (Scruton, 1989). Berbeza pula dengan G.E. Moore (1962) yang berkeyakinan bahawa konsep kebaikan berpunca daripada keseronokan. Keseronokan adalah perkara terbaik dan berfungsi untuk mencapai kebaikan yang dianggap sebagai satu matlamat dalam kehidupan.

Plato dan Aristotle bersepakat mengenai tiga perkara iaitu semua manusia berhasrat mencapai kebahagiaan, kebaikan merupakan unsur utama untuk mencapai kebahagiaan dan peribadi serta pemikiran yang ideal serta sempurna mencetuskan kebahagiaan. Aristotle menyatakan bahawa kebahagiaan merupakan matlamat akhir, kepuasan diri dan kesudahan sesuatu tindakan (Holmes, 2003). Bagi Aristotle kelazatan panca indera merupakan perasaan yang serasi dan kelazatan fikiran adalah rasa kesempurnaan yang sampai kepada zatnya yang membangkitkan perasaan. Jika kesempurnaan zatnya sama ada hakikat atau kemuliaannya tersingkap maka akan dapat menimbulkan kelazatan bahkan melahirkan rasa aman dan anggun (al-Shahrastani, 1968).

Manakala Uskup Butler menentang teori hedonisme yang menyatakan bahawa manusia melakukan sesuatu apabila digerakkan oleh nafsu. Disebabkan oleh kepuasan nafsu adalah kenikmatan, maka

matlamat segala tindakan yang dilakukan adalah kenikmatan. Beliau beranggapan dalam teori ini, hedonisme bergantung kepada suatu hujah yang kurang jelas. Seandainya manusia bertindak apabila digerakkan oleh nafsu dan kenikmatan merupakan hasil utama untuk memenuhi kepuasan nafsu, ini tidak bermaksud bahawa nafsu itu sentiasa bermatlamatkan untuk mencari kenikmatan. Menurutnya lagi, hedonisme berpegang kepada pandangan yang amat sederhana mengenai sifat nafsu. Ini kerana hedonisme menyamakan semua nafsu dengan keinginan yang muncul secara spontan (Scruton, 1989).

Kesimpulannya, hedonisme menggariskan keseronokan sebagai asas utama kehidupan. Fahaman yang mula-mula diperkenalkan di Yunani ini seterusnya telah berkembang ke Eropah dan akhirnya tersebar ke seluruh dunia mengikut falsafah sekular Barat. Fahaman ini telah bertukar menjadi satu budaya dan cara hidup masyarakat di era ini. Konsep keseronokan, kenikmatan dan kelazatan berjaya mempengaruhi masyarakat dalam pelbagai adegan perbuatan yang merosakkan masyarakat. Hasil daripada buah fikiran para hedonis telah diimplementasi sepenuhnya oleh golongan masyarakat pada hari ini terutama kaum remaja. Kehidupan mereka dipenuhi dengan berpoya-poya, menghabiskan masa di tempat-tempat hiburan, minum arak, berzina dan sebagainya dengan satu hasrat iaitu untuk mengecapi keseronokan, kebahagiaan dan kenikmatan.

Faktor Penularan Budaya Hedonisme

Budaya hedonisme dan ancumannya semakin menular dalam kalangan masyarakat. Antara faktor-faktor penyebaran dan perkembangan budaya hedonisme dalam kalangan masyarakat khususnya umat Islam ialah:

1. Serangan dan Penjajahan Pemikiran

Al-Quran menjelaskan bahawa golongan yang amat memusuhi orang beriman khususnya dan umat Islam amnya adalah Yahudi dan musyrik. Hal ini dinyatakan oleh Allah dengan maksudnya:

Pasti akan kamu dapati orang yang paling keras permusuhan terhadap orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik....

(Surah al-Maidah 5: 82)

Pihak musuh Islam ini sentiasa berusaha untuk melancarkan serangan ke atas umat Islam. Selain daripada serangan berasaskan senjata,

serangan yang lebih merbahaya adalah berbentuk serangan pemikiran. Matlamat serangan pemikiran antaranya adalah untuk mencemarkan gambaran Islam dalam kalangan penganut agama Islam, menimbulkan keraguan mengenai sejarah Islam dengan cara mencemarkan sejarah Islam dalam setiap sumber dan rujukan serta menonjolkan sejarah Eropah, menimbulkan keraguan mengenai kehidupan umat Islam masa kini dan masa hadapan, menghancur leburkan peribadi umat Islam dan memperkenalkan unsur-unsur kebudayaan baharu (Muhamad Hassan, 1994).

Golongan penjajah Barat mengambil peluang memperkenalkan dasar-dasar Barat kepada negara-negara yang dijajah di sebalik pembangunan dan pemodenan yang mereka laksanakan. Mereka melaungkan slogan sekular yang mengkhususkan agama hanya di institusi ibadat serta memisahkan peranan agama dalam segala urusan yang membawa kepada kemajuan dan tamadun (Ulwan, 2003). Akhirnya, dasar-dasar Barat seperti budaya dan tamadun secara tidak langsung memaksa berlakunya penerimaan idea, ideologi, nilai, amalan, pegangan dan gaya hidup Barat dalam kehidupan masyarakat. Zakaria Stapa (1999) menyifatkan penjajahan bentuk ini sebagai penjajahan pemikiran dan gaya hidup pascamodenisme. Dengan perantaraan teknologi maklumat, komputer, teknologi komunikasi dan satelit, norma-norma sekularisme telah disebarluaskan secara rahsia kepada masyarakat dunia. Budaya hedonisme akhirnya dianggap sebagai satu perkara dan amalan biasa dalam kehidupan masyarakat.

2. Globalisasi

Globalisasi atau dunia tanpa sempadan adalah satu manifestasi yang muncul akibat berlakunya pertembungan budaya antara Islam dengan Barat. Dunia tanpa sempadan yang diperkenalkan oleh Barat bermatlamat untuk menguasai dunia termasuklah Islam dalam pelbagai aspek (Ezad Azraai Jamsari et al., 2005). Globalisasi juga merupakan satu proses penggabungan pelbagai bangsa, ekonomi, politik dan sosiobudaya yang dikuasai syarikat-syarikat multinasional untuk mewujudkan dunia tanpa sempadan, pasaran ekonomi bebas dan terbuka. Ia merupakan gerakan materialisme dan kesejagatian. Globalisasi di era kini mendedahkan ideologi sekular dan liberal secara mudah dan efektif ke dalam pemikiran serta cara hidup manusia. Pengaliran fahaman sekular dan liberal ini menyebabkan munculnya pelbagai budaya pemikiran dalam masyarakat seperti materialisme, individualisme, hedonisme, nationalism

dan seumpamanya (Muhammed Fauzi Othman & Mohd. Azhar Abd. Hamid, 2003).

Kemunculan globalisasi mengakibatkan segala anasir buruk yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dengan mudah disebarluaskan kepada umat Islam khususnya para remaja. Saluran globalisasi berlaku dalam pelbagai cara terutamanya teknologi maklumat. Kemajuan teknologi maklumat yang dijadikan sebagai saluran menyebarkan propaganda imej buruk Islam mendatangkan kesan negatif khususnya kepada golongan muda yang berfikiran impresif. Golongan ini akan terpengaruh dengan serangan dan pemikiran Barat yang menyesatkan (Ezad Azraai Jamsari et al., 2005).

3. Media Massa

Media massa merupakan saluran maklumat bagi hiburan dan pengetahuan. Di samping itu ia turut mempengaruhi pelbagai tingkah laku sosial, budaya, perkembangan personaliti dan memantapkan kendiri individu ke arah positif atau negatif. Pengaruh negatif media massa terhadap tingkah laku berpunca daripada budaya kuning, ganas dan budaya Barat yang bercanggah dengan adat ketimuran dan Islam (Mohd. Ismail Mustari, 2005). Media massa merangkumi media percetakan, media penyiaran dan media elektronik banyak menghidangkan rancangan hiburan. Majalah hiburan dan ruangan hiburan di media massa sering menjadi tumpuan pembacaan dan tontonan masyarakat masa kini.

Gerakan Zionisme menggunakan saluran media massa seperti media akhbar, majalah, buku, radio, filem dan sebagainya untuk meracuni pemikiran manusia. Segala yang tersebar dan disebarluaskan oleh media massa adalah berdasarkan rencana dan program yang diatur untuk kepentingan Zionisme. Melalui penerbitan buku contohnya, gerakan Zionisme menyerapkan nilai-nilai sesat, lucu dan meruntuhkan iman atau moral manusia. Di samping itu, gerakan Zionisme juga menguasai pemikiran manusia menerusi akhbar dan berita kerana penerbitan buku dan majalah terbatas penyebarannya. Protokol Zionisme menggariskan saranan serta perancangan media akhbar dan berita untuk menjayakan hasrat mereka ini. Media elektronik seperti radio, televisyen dan filem juga berperanan merosakkan moral umat manusia. Ini adalah kerana Hollywood merupakan kota Yahudi. Syarikat gergasi perfilman kebanyakannya dimiliki oleh orang Yahudi seperti Syarikat Warner Brothers dan Syarikat Cannon Films. Bintang-bintang filem yang diminati ramai juga kebanyakannya berbangsa Yahudi seperti Kirk Douglas dan Elizabeth Taylor (Abdul Rahman Abdullah, 1992).

4. Hiburan

Banyak unsur budaya Barat telah meresap masuk ke dalam budaya Asia dan Islam. Pengaruhnya menyerap pelbagai budaya terutama hiburan. Muzik, nyanyian, filem, kartun dan komik daripada Barat berjaya menembusi pasaran dunia pada hari ini. Aspek-aspek budaya Barat disebarluaskan menerusi saluran-saluran hiburan ini. Irama muzik yang bising seperti *rock n roll* dan *heavy metal*, cara dan gaya hidup penghibur Barat yang negatif seperti penglibatan dengan dadah, vandalisme, hubungan seks rambang dan seumpamanya menjadi ikutan generasi muda (Azhar Mad Aros et al., 2001).

Antara tujuan manusia pada hari ini mencari hiburan adalah untuk menghilangkan tekanan, penat serta mendapatkan ketenangan fikiran dan jiwa. Pusat-pusat hiburan seperti diskò, kelab malam, pusat karaoke, pawagam, cyber cafe, pusat snooker dan lain-lain yang banyak didirikan di pusat-pusat bandar menjadi tumpuan masyarakat untuk berhibur. Media massa juga banyak menyediakan program-program berbentuk hiburan yang melibatkan golongan kanak-kanak sehingga dewasa seperti konsert Karnival Jom Heboh, program Akademi Fantasia, My starz LG, Mentor, Studio Nabil dan lain-lain.

Bentuk-Bentuk Budaya Hedonisme

Majoriti anggota lapisan masyarakat tanpa mengira usia dan status dipengaruhi oleh budaya hedonisme ini. Terdapat pelbagai bentuk atau corak budaya hedonisme dalam kehidupan masyarakat, antaranya berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

1. Hiburan Melampau

Hiburan pada asalnya adalah diharuskan namun hiburan yang melampau dan berlebih-lebihan adalah haram. Islam melarang umatnya berlebih-lebihan dalam sesuatu perkara meskipun dalam urusan ibadat, lebih-lebih lagi di dalam hal hiburan dan menghabiskan masa dengannya meskipun hukum asalnya adalah harus (al-Qaradhawi, 1993). Persoalannya pada hari ini ramai yang melampaui konsep hiburan hanya sekadar untuk memenuhi fitrah manusia. Sambutan dan perayaan seolah-olah tidak lengkap tanpa acara hiburan yang melampau. Hiburan menjadi satu cara hidup masyarakat apabila penganjur-penganjur mendapat kebebasan dalam menganjurkan pesta, festival, konsert dan program-program hiburan yang lain. Rancangan, program dan majalah berbentuk hiburan meningkat

dari semasa ke semasa kerana mendapat sambutan daripada orang ramai berbanding dengan rancangan dan program yang bercorak ilmiah, keagamaan dan maklumat semasa.

Masyarakat ditonjolkan dengan pelbagai corak budaya hiburan yang luar biasa dan memukau sehingga menjadikan mereka tertarik dengan gaya hiburan realiti masa kini. Mereka mungkin tidak menyedari bahawa hiburan yang melampaui batasan akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembentukan peribadi dan minda terutama sekali golongan muda dan kanak-kanak. Hiburan sebegini juga menjadikan masyarakat lalai serta alpa kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing (Fariza Md. Sham et al., 2000).

2. Melepak

Melepak atau berpeleseran di tempat-tempat awam tanpa sebarang tujuan tertentu merupakan amalan negatif dalam kalangan masyarakat. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan aktiviti melepak ialah pusat membeli belah, pusat hiburan, stesen bas, kedai makan, kedai kopi, taman rekreasi dan lain-lain. Tempat-tempat ini menjadi pilihan kerana ia selesa dan pelbagai kemudahan disediakan. Golongan yang melepak pada hari ini melibatkan golongan tua dan muda. Secara umumnya, kecenderungan golongan yang melepak adalah kepada hiburan berbanding dengan aspek-aspek lain. Faktor-faktor yang mendorong terjadinya kegiatan melepak ini antaranya ialah daya tarikan fizikal tempat-tempat awam yang menarik, tempat kediaman kurang selesa, sikap mementingkan diri sendiri, kurang keinginan untuk bertindak secara produktif (Fariza Md. Sham et al., 2000), pengaruh media massa, berkehendakkan kebebasan mutlak, hiburan, sikap suka meniru (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 1999) dan lain-lain.

3. Penyalahgunaan Dadah dan Bahan

Penyalahgunaan dadah adalah menyalahgunakan dadah berdasarkan kaedah perubatan. Penyalahgunaan bahan adalah menyalahgunakan bahan-bahan selain daripada dadah seperti alkohol, ganja, pil khayal dan lain-lain. Penyalahgunaan dadah dan bahan merupakan masalah utama negara. Setiap tahun berlaku pertambahan bilangan penagih dadah dan penyalahgunaan bahan. Kesannya, merebak banyak gejala sosial seperti mencuri, meragut, membunuh di samping menyebabkan penularan pelbagai penyakit merbahaya.

Penyalahgunaan pil ekstasi juga semakin meningkat. Ia banyak ditagih semasa perayaan pesta besar-besaran seperti di pusat-pusat hiburan, parti-parti, kelab-kelab malam dan seumpamanya. Faktor utama

meningkatnya penagihan pil ini dalam kalangan umat Islam ialah kelemahan iman, takwa dan amal sedangkan Islam mengarahkan umatnya supaya sentiasa memelihara agama, nyawa, jiwa, akal, harta, maruah dan keturunan (Mustafa Daud, 2002) termasuklah penyalahgunaan dadah dan bahan. Peningkatan penagihan pil ini dalam kalangan bukan Islam mungkin disebabkan oleh mengalami tekanan jiwa, mencari keseronokan, pengaruh rakan dan seumpamanya.

4. Bergaul Bebas

Pertemuan di antara lelaki dan wanita diharuskan malahan dituntut jika tujuan pertemuan tersebut adalah untuk bekerjasama dalam perkara kebaikan. Namun begitu, Islam menggariskan bahawa kerjasama yang dijalin itu perlu sentiasa berada di dalam lingkungan batasan syarak. Antaranya iaitu kedua-dua belah pihak menjaga pandangan, wanita memakai pakaian yang digariskan oleh syarak dan memelihara adab, mengelakkan daripada menggunakan sesuatu yang boleh menggoda seseorang, menjauhkan diri daripada duduk bersunyi-sunyian tanpa bersama muhrimnya dan pertemuan itu untuk perkara atau urusan yang menuntut kedua-duanya hadir bersama (al-Qaradhwai, 1993).

Di era globalisasi ini, gaya hidup masyarakat turut mengalami perubahan. Masyarakat kini mulai cenderung dengan pergaulan yang terlalu bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim sama ada antara pasangan bertunang, kekasih atau kawan biasa. Pergaulan bebas tanpa batasan mendorong terjadinya perzinaan. Bimbang, takut dan malu atas keterlanjuran yang dilakukan diketahui umum, mereka terbabit pula dengan jenayah pembunuhan dan pembuangan bayi.

5. Amalan Seks Bebas dan Penyelewengan Seks

Pergaulan tanpa batasan mendorong kepada perlakuan seks bebas. Golongan yang terlibat dengan perbuatan ini beranggapan seks sebagai satu keseronokan, kebanggaan dan trend semasa. Perbuatan seks bebas ini bukan sahaja melibatkan hubungan seks antara lelaki dengan perempuan bahkan menular kepada seks diluar tabie seperti homoseksual dan lesbian. Perlakuan homoseksual dan lesbian sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, maksudnya:

Mengapa kamu mendatangi jenis laki-laki di antara manusia (berbuat homoseksual) dan kamu tinggalkan (perempuan) yang diciptakan Tuhan untuk menjadi isteri-isteri kamu? Kamu (memang) orang-orang yang melampaui batas.

(Surah al-Syu'ara' 26: 165-166)

Selain daripada faktor pergaulan bebas dan sikap individu terhadap seks, pengaruh rakan-rakan, media massa berunsurkan fonografi, pusat-pusat hiburan, keluarga bermasalah, kemudahan memperolehi alat pencegah kehamilan, kemudahan tempat melakukan hubungan seks dan kurang didikan agama juga merupakan faktor-faktor yang mendorong masyarakat terlibat dengan gejala seks bebas (Idris Awang, 1996).

6. Samseng Jalanan

Gejala samseng jalanan sudah lama wujud di negara kita, namun kegiatan ini semakin berleluasa menjelang tahun 1990-an. Majoriti samseng jalanan menetap di kawasan bandar-bandar besar yang sentiasa sibuk seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru (Mustafa Daud, 2002). Kebanyakan samseng jalanan terdiri daripada golongan remaja dan mereka menceburkan diri dalam perlumbaan haram sama ada kereta atau motosikal dengan tujuan untuk mencapai keseronokan dan kepuasan hidup. Kebiasaannya tempat yang menjadi sasaran mereka beraksi dan berlumba adalah di kawasan bandar-bandar besar dan lebuh raya (Fariza Md. Sham et al., 2000). Terdapat segelintir daripada mereka yang melibatkan diri dengan beberapa kes jenayah sosial seperti mencuri, meragut dan seumpamanya.

7. Menonton Video dan Gambar Lucah

Video lucah membawa kesan negatif terhadap pembinaan masyarakat. Ia merangsang nafsu syahwat penontonnya serta mendorong mereka meniru dan mempraktis gambaran tersebut (Fariza Md. Sham et al., 2000). Ajaran Islam menjelaskan bahawa seluruh pancaindera termasuk mata merupakan amanah Allah, maka ia sepatutnya dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk melihat perkara-perkara yang dibenarkan Islam. Di samping itu, Islam juga mengarahkan supaya manusia sentiasa memelihara kehormatan mereka. Hal ini disebut di dalam firman Allah yang bermaksud:

Katakanlah kepada laki-laki yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sungguh, Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat. Dan katakanlah kepada para perempuan yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya dan memelihara kemaluannya

(Surah al-Nur 24: 30-31)

8. Minum Arak atau Minuman Memabukkan

Arak adalah sejenis alkohol dalam bentuk *ethyl alcohol*, merupakan sejenis dadah yang mampu bertindak ke atas otak manusia dan kerap kali menyebabkan ketagihan. Terdapat tiga jenis arak yang terkenal iaitu bir, wain dan *liquor*. Arak punca segala kejahanatan dan pertelingkahan manusia. Meminum arak atau sebarang minuman selain daripada arak yang memabukkan seperti tuak, samsu, air daun ketum, air tapai dan seumpamanya dilarang Islam. Namun di zaman moden ini, terdapat segelintir umat Islam yang menjadikan minuman keras ini sebagai minuman kebiasaan mereka. Bagi negara-negara membangun, ia merupakan pemusnah utama kesihatan (Danial Zainal Abidin, 2008).

Sesuatu pengharaman dalam Islam adalah berasaskan kepada unsur kemudaratian. Sesuatu perkara yang memudaratkan individu dan masyarakat adalah haram meskipun tidak dinyatakan secara khusus di dalam nas al-Quran atau hadis. Arak mendatangkan kemudaratian kepada individu sama ada terhadap agama, akal, badan, jiwa dan hartanya. Ia juga mendatangkan kemudaratian kepada keluarganya apabila pemabuk tidak lagi berdaya untuk melaksanakan tanggungjawab kepada anak dan isterinya. Di samping itu, ia turut memudaratkan masyarakat dengan berlakunya keruntuhan akhlak, kehilangan harta, merebak penyakit dan sebagainya yang mengakibatkan kehancuran (al-Qaradhawi, 1993).

Kesimpulannya

Budaya hedonisme yang merupakan cara dan gaya hidup masyarakat Barat telah dikongsi dan dipraktiskan dalam kehidupan harian masyarakat kita pada masa kini. Fenomena hedonisme merupakan salah satu cabaran besar terhadap pembentukan pembangunan tamadun ummah. Penglibatan umat manusia dengan fenomena hedonisme mengakibatkan pelbagai masalah, jenayah dan penyakit sosial yang boleh membawa kepada kemusnahan. Pendekatan holistik dan efektif perlu segera dilaksanakan untuk membendung bahana gejala budaya hedonisme ini. Pembangunan spiritual perlu diberi keutamaan kerana kekosongan rohani mencetuskan pelbagai penyakit sosial yang sukar untuk dibendung. Individu, institusi keluarga, masyarakat dan pemimpin masing-masing berperanan untuk menangani gejala hedonisme ini dan berganding bahu dalam membangun sebuah tamadun ummah yang unggul.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim.

Al-Quran dan terjemahnya (Rasm Uthmani). (2007). Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.

Ulwan, Abd Allah Nasih. (1993). *Al-Shahab al-muslim fi muwajahat al-tahaddiyat*. Kaherah: Dar al-Salam.

Abdul Rahman Abdullah. (1992). *Pemikiran Islam masa kini: sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alfa, Runi Ili. (1992). *Mawsu 'at a'lam al-falsafah al-'Arab wa al-ajanib*. Juz. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qaradhawi, Yusuf (1993). *Fatawa Mu'asarah*. Juz. 2. Kuwait: Dar al-Wafa'.

Al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad Abd al-Karim. (1968). *al-Milal wa an-nihal*. Diedit oleh Abd al-Aziz Muhammad al-Wakil. Beirut: Dar al-Fikr.

Azhar Mad Aros et al. (2001). *TITAS Kertas 1*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Broad, C.D. (1930). *Five types of ethical theory*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

Danial Zainal Abidin. (2008). *Quran saintifik: meneroka kecemerlangan Quran daripada teropong sains*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Encyclopedia Malaysiana. (1996). Kuala Lumpur: Anzargain Sdn. Bhd.

Ezad Azraai Jamsari et al. (2005). *Pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fariza Md.Sham et al. (Eds.). (2000). *Dakwah dan perubahan sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Garcia, J.D. (1971). *The moral society*. New York: The Julian Press Inc.
- Haron Din et al. (1990). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, Robert L. (2003). *Basic moral philosophy*. United States: Thomson Wadsworth.
- Idris Awang. (1996). Kelakuan seks bebas di kalangan remaja Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 5, hlm. 177-191.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Long, A. A. (1974). *Hellenistic philosophy*. London: Gerald Duckworth & Company Limited.
- Mardzelah Makhsin. (2007). *Sains pemikiran dan etika*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Ismail Mustari. (2005). *Menjadi belia cemerlang*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Moore, G.E. (1962). *Principia ethica*. Great Britain: University Press, Cambridge.
- Morton, Adam. (2004). *Philosophy in practice: an introduction to the main questions*. Australia: Blackwell Publishing.
- Muhamad Hassan, Hassan. (1994). *Wasa'il muqawamah al-ghazwu al-fikri lil 'alam al-Islami*. Makkah: Matabi' al-Rabitah.
- Muhamed Fauzi Othman & Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2003). Globalisasi hilangkan jati diri Melayu? *Pemikir*, April-Jun 2003, hlm. 1-39.
- Mustafa Daud. (2002). *Cabarannya tamadun Islam pada alaf baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Nasr, Seyyed Hossein. (1967). *Islamic studies*. Beirut: Librairie du Liban.
- Parkinson, G.H.R. et al. (Eds.). (1996). *An encyclopaedia of philosophy*. London: Routledge.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (1999). Krisis remaja dan media massa di Malaysia: suatu tinjauan dari perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 10, hlm. 125-134.
- Ree, Jonathan, & Urmson J.O. (2005). *The concise encyclopedia of Western philosophy*. London dan New York: Routledge.
- Russell, Bentrand, terj. Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff. (1995). *Sejarah falsafah Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scruton, Roger, terj. Baharudin Ahmad. (1989). *Sejarah ringkas falsafah moden daripada Descartes hingga Wittgenstein*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simpson, J.A., & Weiner, E.S.C. (1989). *The oxford english dictionary*. Oxford: Clarendon Press.
- Sulaiman Noordin. (1999). *Sejarah pemikiran 1: sumber ilmu, perbandingan ideologi dan orde baru dunia*. Selangor: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1999). Pendidikan Islam dan ancaman masa kini. *Pemikir, Julai-September 1999*, hlm. 137-148.